

**20** TIPS

UNTUK CAPAI  
KEBEBASAN  
KEWANGGAN



**TIPS****1 BINCANG DENGAN PASANGAN ANDA**

Sebelum anda memulakan langkah pertama, bincang perancangan anda dengan pasangan anda. Kalau anda ada pasangan lah. Kalau yang belum kahwin, tak perlu ye. Beritahu apa yang anda ingin capai dan mulakan rancang bersama pasangan. Rancang bersama orang tersayang lebih efisien! Orang yang tersayang inilah yang akan bagi semangat untuk teruskan apa yang sudah dirancang.

**TIPS****2 SIASAT TAHAP KEWANGAN ANDA**

Mulakan dengan siasat ke mana wang anda dihabiskan. Senaraikan satu persatu apa yang perlu anda bayar ketika mula mendapat gaji. Bezakan antara keperluan dan kehendak. Berhentikan mana-mana perbelanjaan yang tak perlu supaya lebih banyak wang tinggal dalam poket anda.

## TIPS 3 BERBELANJA KURANG DARIPADA APA YANG ANDA MAMPU

Kawal kehendak anda dan mula berbelanja mengikut keperluan sahaja. Kurangkan perbelanjaan anda dengan tidak selalu ke kafe hipster dan gadget terkini. Guna sahaja yang masih ada tidak menjadi masalah. Tak letih ke nak tukar telefon setiap kali keluar model yang baru?

Kalau anda mampu beli kereta Honda, belilah Persona dahulu. Takpun, beli sahaja yang 'second hand'. Duit lebih tu anda gunakan untuk membeli hartanah.

## TIPS 4 TETAPKAN 'LIFE GOALS' ANDA

Anda perlu tetapkan hala tuju kehidupan anda jika ingin mencapai financial freedom. Ke mana dan dimana anda berada ketika 5 tahun akan datang. Mula merancang masa depan dan jangan tunggu kemudian hari. Jangan bertangguh. Anda kena jelas ke mana ada hendak pergi. Macam bawa kereta, kenalah tahu destinasi mana yang hendak dituju sebelum mulakan perjalanan. Kalau tidak, sampai habis minyak pun anda tidak akan sampai ke mana-mana.

**TIPS****5 MULAKAN STRATEGI**

Untuk mencapai financial freedom, anda perlu susun strategi yang efektif. Ketahui strategi-strategi yang berkesan dengan follow pakar-pakar kewangan contohnya Azizi Ali, Zaidi Ismail, Dr. Zaharuddin, Azizul Azli Ahmad dan banyak lagi. Anda juga boleh ikuti tips-tips yang dikongsikan di <http://www.halalmoney.my>

**TIPS****6 RANCANG BAJET KEHIDUPAN ANDA**

Demi mencapai financial freedom, anda perlu merancang bajet kewangan anda. Ketahui berapa yang anda perlu peruntukkan setiap hari dan kawal ketat pengeluaran wang anda. Jangan biarkan wang anda terus-terusan tiris! Belajar survive kehidupan seharian dengan bajet yang ketat.



**TIPS****7 DIDIK DIRI ANDA DENGAN ILMU**

Mula belajar tentang pengurusan kewangan secara serius. Lihat kemampuan kewangan anda ketika ini. Maksimalkan perkongsian percuma yang dikongsi di media sosial. Jika mampu, laburkan duit dengan menghadiri seminar-seminar yang bermanfaat. Anda harus mula mencari ilmu baru supaya tidak tersilap langkah. Jangan sayangkan duit anda untuk melabur terhadap diri anda sendiri. Ilmu yang anda dapat akan membantu anda menjana lebih banyak wang lagi dan menyelamatkan anda daripada kerugian akibat kesilapan yang sepatutnya boleh dielakkan. Lebih baik anda laburkan sedikit duit untuk membeli buku bernilai RM50 daripada kerugian RM50,000 akibat terjebak dalam skim cepat kaya nanti. Dah beli buku, mestilah baca dan amalkan ye. Jangan biarkan buku tu berhabuk menjadi perhiasan sahaja.

## TIPS

# 8 CARI DUIT LEBIH

Pertimbangkan untuk lakukan kerja part-time. Anda boleh cuba cari kerja yang sesuai dengan kemampuan anda. Contoh bisnes dropship. Anda tidak perlukan modal untuk mula bekerja. Cuma perlu kesabaran dan semangat. Jangan takut untuk mencuba. Cuba lakukan terlebih dahulu.

Anda juga boleh gunakan skil yang anda memang telah sedia ada untuk ambil upah secara 'freelance'. Sebagai contoh, katakan anda seorang jurutera, tawarkan khidmat anda untuk buat khidmat perundingan (consultancy) secara sambilan. Kalau anda pandai mengajar, boleh buat kelas tuisyen secara sambilan pada waktu malam atau hujung minggu. Anda kena faham, setiap orang memiliki skil yang diperlukan oleh orang lain. Bermakna, anda mesti boleh buat duit tambahan dengan skil yang anda ada. Senang je, mulakan dengan berkongsi dan iklan di Facebook anda. Lama-kelamaan, mesti ada yang bertanya mengenai servis anda.

**TIPS****9 MULA MELABUR**

Duit lebih yang anda ada, boleh laburkan dalam pelaburan–pelaburan yang anda betul–betul faham seperti unit saham amanah, hartanah, saham dan sebagainya. Melabur ikut kemampuan dan pengetahuan anda, jangan sesekali melabur dalam pelaburan yang anda tak tahu hujung pangkalnya, walaupun pulangnya sangat menggiurkan. Ikuti tips pelaburan di [www.halalmoney.my](http://www.halalmoney.my) untuk mengetahui lebih lanjut tentang pelaburan.

**TIPS****10 BINA NETWORK**

Belajar bina network dengan orang–orang yang tidak dikenali. Jika anda hadiri seminar, jalinkan hubungan dengan peserta yang lain dan cuba kenali mereka. Mungkin ada di antara peserta merupakan orang yang telah berjaya dan anda boleh ambil tips berkesan dari mereka. Networking adalah salah satu cara untuk anda capai financial freedom.



**TIPS****11 TAMATKAN KAD KREDIT ANDA**

Jika anda ada kad kredit, tamatkan segera. Jangan biarkan anda terus menggunakannya. Gunakan wang adalah lebih baik daripada menggunakan kad kredit. Jika anda ditawarkan kad kredit, belajar katakan 'TIDAK'. Perbelanjaan lebih terkawal jika anda tidak mempunyai kad kredit.

**TIPS****12 BAWA BEKAL KE TEMPAT KERJA**

Kurangkan perbelanjaan dengan memasak di rumah. Anda boleh berjimat dengan membawa bekal.

Mulakan dengan masakan ringkas dan berkhasiat. Anda mungkin boleh jimat beratus ringgit sebulan terutama kalau anda bekerja di tempat yang terkenal dengan mahalnya seperti di tengah bandar Kuala Lumpur.



## **TIPS** **13** TARGET UNTUK SIMPAN 10% HINGGA 15% DARIPADA GAJI ANDA

Dari jumlah gaji yang anda dapat, peruntukkan 10 % hingga 15% untuk simpanan. Contoh jika gaji anda RM1000 sebulan, peruntukkan RM100 untuk simpanan. Jangan guna wang simpanan anda untuk beli perkara yang tidak perlu. Simpanan ini mesti ditolak siap-siap daripada gaji anda sebelum anda guna untuk perbelanjaan lain. Jangan sesekali belanja duit dahulu dan baru simpan baki yang ada, kerana berkemungkinan besar tiada baki yang akan tinggal. Wang yang disimpan boleh diletakkan sebagai tabung kecemasan atau dilaburkan di tempat yang selamat.

## **TIPS** **14** RANCANG UNTUK HAPUSKAN HUTANG YANG ANDA

Senaraikan hutang-hutang yang anda masih ada setakat hari ini. Senaraikan juga tarikh pembayaran supaya anda alert dengan pembayaran. Jangan lari dari hutang kerana anda tidak mahu merana di masa hadapan. Untuk selamatkan lebih banyak wang, hapuskan dulu hutang-hutang yang mempunyai kadar faedah/pembiayaan yang tinggi seperti kad kredit dan pinjaman peribadi. Amaran keras, jangan sesekali anda meminjam daripada along walau terdesak sekali mana pun. Sekali anda pinjam, selama-lamanya anda akan menjadi hamba untuk membayar bunga yang tinggi, haram pula tu.

**TIPS****15 BINA TABUNG KECEMASAN**

Tabung kecemasan sangat penting. Mula menyimpan untuk tabung kecemasan walaupun sekadar RM50 sebulan. Jangan mudah tiriskan tabung ini kerana anda tidak tahu apa yang akan terjadi di masa hadapan. Peruntukkan sejumlah wang dari gaji anda untuk tabung kecemasan. Seelok-eloknya, tabung kecemasan ini perlu berjumlah sekurang-kurangnya 6 bulan gaji anda.

**TIPS****16 RANCANG TABUNG BERSARA**

Rancang tabung bersara anda ketika anda masih muda. Mulakan target untuk mencapai jumlah simpanan berapa ketika anda ingin bersara. Jika anda ingin bersara ketika umur 45, mulakan strategi menyimpan dari sekarang.

**TIPS****17 BERSEDEKAH**

Latih diri anda bersedekah. Mulakan dengan jumlah yang anda mampu beri walaupun RM1. Beri seikhlas mungkin dan konsisten. Bila anda mula memberi, percaya rezeki anda akan lebih murah. Ingat, 'what you give, you get back more'!

Tak percaya, cuba tengok Bill Gates, Mark Zuckerberg dan Tan Sri Syed Mokhtar Bukhari. Semuanya menderma dengan sangat banyak melebihi berbillion ringgit, tetapi semakin kaya jadinya.

**TIPS****18 BUANG PERBELANJAAN YANG TIDAK PENTING**

Tidak semua perkara yang orang lain ada kita kena ada. Belajar kawal nafsu dan rancang perbelanjaan anda. Untuk bulan yang pertama, kurangkan lepak di restoran mewah dan membeli-belah di butik. Makan sahaja masakan di rumah dan guna pakaian yang masih elok.



**TIPS****19 ELAKKAN BERHUTANG**

Demi mencapai financial freedom, anda harus elakkan bina hutang baru. Jangan berhutang walaupun anda inginkan perkara tersebut. Tahan nafsu dan wang yang keluar. Jangan biarkan wang anda menjadi negatif di hujung bulan. Beli secara cash tiada masalah cuma perlukan kesabaran sahaja.

**TIPS****20 TETAPKAN PENDIRIAN ANDA**

Anda perlu tetapkan pendirian anda untuk mencapai financial freedom. Jangan mudah goyah dengan tawaran – tawaran yang datang. Elakkan selagi mampu. Elakkan sale dan tawaran skim cepat kaya.